فجابة ڤڠارة تانه دان ݢالين ترڠݢانو

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 7 DAN 11, WISMA DARUL IMAN,
20576 KUALA TERENGGANU.
Telefon : 09-6231957 samb. 2700 – 2706    Fax : 09-6229887
3100 – 3115

PTG.TR. G/05/1988/06/04 – (12)

Safar 1425.
April 2004.

Pentadbir Tanah
**Kuala Terengganu.**

Pentadbir Tanah
**Kemaman.**

Pentadbir Tanah
**Dungun.**

Pentadbir Tanah
**Besut.**

Pentadbir Tanah
**Hulu Terengganu.**

Pentadbir Tanah
**Marang.**

Pentadbir Tanah
**Setiu.**

Y. Bhg. Dato'/Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU BIL. 02/2004**

**PENGALIHAN BATU BLOK DIMENSI KE LUAR NEGERI TERENGGANU DAN KUAT KUASA PINDAAN SUB SUBPERENGGAN 20 (1) (F) (2) (XVI) & 20 (1) (F) (3) (XVI) PERATURAN-PERATURAN TANAH TERENGGANU (P) (NO. 1) TAHUN 2002**

**Pemakaian dan Permulaan Kuat Kuasa**

1. (1) Suatu keputusan telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri pada :-

(a) Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) kali ke 31 tahun 2003 : 15 Oktober 2003 melalui kertas MMKN bil. 1416/2003 telah memutuskan iaitu Pihak Berkuasa Negeri telah bersetuju untuk menurunkan kuasa bagi kelulusan pengalihan batu blok dimensi ke luar negeri kepada Pengarah Tanah dan Galian Terengganu dengan syarat-syarat berikut diambilkira:-

(i) Tempoh kelulusan tidak melebihi dua (2) tahun; atau

– 8 MAR 2004
Dihantar pada ....................

Tandatangan ....................
Kerani Kaunter/Despatch
Pejabat Pengarah Tanah & Galian Trg.

(ii) Jumlah isipadu yang dibenarkan tidak melebihi sepuluh ribu (10,000) meter padu; dan

(iii) Bilangan syarikat yang diluluskan hendaklah dihadkan; dan

(b) Mesyuarat MMKN kali ke 6 tahun 2004 : 11 Februari 2004 melalui kertas MMKN bil. 266/2004 telah bersetuju dikuatkuasakan pindaan sub subperenggan tersebut dengan kadar bayaran pemindahan bahan batuan 'granite' (berketul) berikut:-

***dari tanah milik setiap meter padu***

| | | |
|---|---|---|
| (i) | granit (biasa) | RM50.00 ; |
| (ii) | granit (berkualiti tinggi) | RM110.00; dan |

***dari tanah kerajaan setiap meter padu***

| | | |
|---|---|---|
| (i) | granit (biasa) | RM50.00 ; |
| (ii) | granit (berkualiti tinggi) | RM110.00. |

(2) Arahan ini mula berkuat kuasa serta-merta bermula daripada tarikh surat pejabat di atas.

**Kaedah Arahan Dikuatkuasakan**

2. (1) Semua permohonan bagi tujuan perenggan 1 (1) (a) hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (Bahagian Kuat Kuasa dan Galian) dengan menggunakan **(borang KE LUAR NT. PTG. 01/04). [Sepertimana di Lampirkan].**

(2) Keputusan subperenggan 2 (1) ini akan dimaklumkan kepada pemohon berkenaan oleh pejabat ini. Pejabat Tanah Daerah berkaitan hendaklah mengambil bayaran pemindahan bahan batuan tersebut sepertimana subperenggan 1 (1) (b).

3. Surat bil. (24) dalam PTG.TR. 00/08/2001/01/02 bertarikh 21 Februari 2003 adalah berkaitan.

Sekian, terima kasih.

***" ISLAM HADHARI TERENGGANU BESTARI "***

***" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "***

Saya yang menurut perintah,

b.p. **( HAJI HASHIM BIN MAMAT )**
Pengarah Tanah dan Galian
Terengganu.

**s.k.**

Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan
**Terengganu**.

Setiausaha
Dewan Undangan Negeri
**Terengganu**.

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
(Khidmat Pengurusan).

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
(Pendaftaran).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian
(Ambil Balik, Hasil dan Saguhati).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian
(Pendaftaran).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian
(Pelupusan Tanah).

Penolong Pengarah Tanah dan Galian
(Kuat Kuasa dan Galian).

Pegawai Eksekutif Kanan
(Pentadbiran dan Kewangan).

Pegawai Eksekutif Kanan
(Pendaftaran).

Pegawai Eksekutif
(Galian).

Pegawai Eksekutif
(Hasil).

Penolong Pegawai Tanah NT 32.

Penolong Pegawai Tanah NT 22.

Pengarah Mineral dan Geosains
**Terengganu.**

**Fail Timbul.**

CSM.nh.CSM-6.s-arahan
9.10 pg. / 16032004

KE LUAR NT. PTG. 01/04

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN TERENGGANU
[ Bahagian : Penguatkuasaan dan Galian ]

PTG.TR.

**BORANG PERMOHONAN PENGALIHAN BATU GRANIT (BERKETUL)/BLOK DIMENSI ***
**KE LUAR NEGERI TERENGGANU**
[ Arahan PTG. Bil. 02/2004 ]

**BUTIR-BUTIR PEMOHON**

Nama Penuh [ dengan huruf besar ]

No. Kad Pengenalan

Lama

Baru

Alamat Tetap / Pejabat *

No. Pendaftar Syarikat / Perniagaan *

Poskod

No. Telefon

**BUTIR-BUTIR BATU GRANIT (BERKETUL) / BLOK DIMENSI***

Jenis Batu

Tempat Ambil

Isipadu Pengalihan

Meter padu ($m^3$)

No. Keterangan : KRM./GM./HS(M)/MC.dll. *

No. Lot

Status Tanah [ / tanda ]

Milik

Kerajaan

Mukim

Daerah

Tempat Hantar

Negeri

Tujuan

Dokumen pengesahan / sokongan hendaklah diserta [ / tanda ]

- [ ] Jika pemohon bukan tuan punya tanah.
- [ ] Maklumat syarikat/perniagaan* yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
- [ ] Lain-lain dokumen (jika ada).

Saya / kami mengaku bahawa kenyataan di atas adalah benar dan yang demikian bersetuju mematuhi segala syarat-syarat yang dikenakan oleh pejabat ini.

Tarikh | Nama | Jawatan | Tandatangan dan Cop

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA**

Perakuan Bahagian Penguatkuasaan dan Galian

Permohonan ini **disyorkan** :-

(a) Diberi pertimbangan sepertimana syarat-syarat :-

(i) dilulus dengan bayaran RM50.00 / RM110.00 * setiap meter padu ($m^3$);
(ii) dilulus dengan bayaran lima (5) peratus daripada nilai (pasaran semasa);

(iii) Jumlah isi padu yang dibenarkan [ ] meter padu ($m^3$) ; dan

(iv) Tempoh kelulusan mulai [ ] hingga [ ]

(b) Ditolak kerana :-

(i) ______

(ii) ______

(iii) ______

(iv) ______

(c) Ditawakof kerana :-

(i) ______

(ii) ______

Tarikh | Penolong Pengarah (Penguatkuasaan dan Galian) | Tandatangan

ULASAN

Berdasarkan butiran dan perakuan di atas adalah **disyorkan** permohonan ini :-

(a) Diluluskan / Ditolak / Ditawakof *

______

______

Tarikh | Timbalan Pengarah (Khidmat Pengurusan) | Tandatangan

KEPUTUSAN

DITAWAKOF / DILULUS / DITOLAK *

Tarikh | Pengarah Tanah dan Galian Terengganu | Tandatangan dan Cop

**NOTA* Potong yang mana tidak berkenaan.**